

Pendidikan Keibubapaan Melalui Santunan Fitrah Nabi Ya'qub A.S Dan Pendekatannya Bagi Menangani Salah Laku Remaja

Parenting Education Through The Prophet Ya'qub Method And His Approaches To Cope With Teenager Misbehaviour

Mastura Bohari, Farahwahida Mohd Yusof*

Akademi Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

**Corresponding author: farahwamy@utm.my*

Article history

Received: 2019-07-28 Received in revised form: 2019-10-28 Accepted: 2019-11-16 Published online: 2020-01-31

Abstract

Youth of today face a very challenging era. The excellent education provided to them will shape them into individuals with an excellent personality, where they can be the apprentice of good behaviour generation. However, the increase of misconduct amongst teenagers is reported to indirectly affect the role of parents as a main social agent. These social agents can contribute to the development of teenagers' personality. Al Quran, as Manhaj Rabbani, provides solutions and guidance in shaping the personality of children and youth. Thus, this paper aims to study the excellent values and educational approaches practiced by Prophet Ya'qub a.s in handling the behaviour of his children and analyse those approaches to address the youth of today's social problem. This study used a qualitative approach in the form of content analysis. The data analysis used a descriptive approach. The samples of study include Quranic verses in Surah Yusuf related to the values of Prophet Ya'qub a.s especially in the aspect of educating children. Excellent values such as good communication, useful advice, high level of patience, taqwa to Allah and willingness to forgive others shall be applied by parents in dealing with their children's misconduct. The implication of this study is expected to encourage the effort and create a formula in nurturing youth with good values and a noble character in their action and interaction, thereby reduce their risk of performing misconduct and getting involved in social problems.

Keywords: Nabi Ya'qub, Surah Yusuf, values, educate, youth's misconduct.

Abstrak

Remaja masa kini berhadapan dengan zaman yang amat mencabar. Kesempurnaan pendidikan yang diterima akan membentuk mereka dengan jati diri unggul seorang remaja yang menjadi pelapis generasi berakhlak mulia. Namun peningkatan kadar salah laku remaja yang dilaporkan saban masa secara tidak langsung mencalar peranan ibu-bapa sebagai agen sosialisasi utama yang mempengaruhi pembentukan dan perkembangan sahsiah remaja. Al-Quran sebagai Manhaj Rabbani menawarkan jalan penyelesaian dan bimbingan termasuklah dalam membentuk personaliti anak-anak dan remaja. Justeru, kertas kerja ini bertujuan mengkaji nilai-nilai unggul amalan pendidikan yang dipraktikkan oleh Nabi Ya'qub a.s dalam menangani tingkah laku anak-anak Baginda dan menganalisis pendekatan tersebut bagi menangani remaja bermasalah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan. Analisis data menggunakan pendekatan diskriptif. Sampel kajian melibatkan ayat-ayat al-Quran dalam Surah Yusuf yang berkaitan dengan nilai-nilai kesantunan Nabi Ya'qub a.s khusus dalam pendidikan anak-anak. Nilai-nilai kesantunan iaitu komunikasi yang baik, nasihat yang berguna, kesabaran yang sempurna, tawakkal kepada Allah dan bersedia memaafkan kesalahan mesti diaplikasikan oleh ibu-bapa dalam menangani masalah salah laku anak-anak mereka. Implikasi kajian ini diharap dapat menyemarakkan usaha dan mencipta formula dalam melahirkan remaja yang memiliki nilai-nilai luhur dan akhlak mulia dalam tindakan dan pergaulan, sekaligus mengurangkan risiko mereka terjebak dengan pelbagai salah laku dan permasalahan sosial.

Kata Kunci: Nabi Ya'qub, Surah Yusuf, santunan, pendidikan, salah laku remaja

1.0 PENDAHULUAN

Anak-anak adalah anugerah Allah yang begitu berharga buat setiap pasangan yang sudah berumah tangga. Selain menjadi penyeri dan penghibur, anak yang dilahirkan juga menjadi amanah dan dalam masa yang sama merupakan satu ujian dari Allah kepada ibu bapa.

Sebagai ejen sosialisasi utama (Ishak 2004; Zakaria Stapa, Ahmad Munawwar & Noranizah, 2012) ibu bapa bertanggungjawab memainkan peranan penting dalam mencorakkan sahsiah anak-anak sejak usia kecil lagi (Zakiah&Ismail 2004; Yulia Hairina, 2016). Corak pendidikan yang diamalkan oleh ibu bapa sangat mempengaruhi perkembangan tingkah laku dan personaliti anak-anak pada masa hadapan. Segala bentuk pengalaman yang diterima melalui interaksi bersama ibu bapa sama ada dalam bentuk tindakan dan perlakuan, gaya pertuturan, tanggapan terhadap diri sendiri, bagaimana hendak meluahkan perasaan dan cara-cara menghindarkan ketakutan dan tekanan (Teh Fui Khim, 2001) akan bersemadi dalam jiwa anak-anak sebelum mereka keluar berhadapan dengan individu lain. Kesempurnaan pendidikan yang diterima akan melahirkan individu yang berakhlak mulia, mempunyai jati diri yang kukuh dan bertanggungjawab serta tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai anasir jahat dan perlakuan negatif yang berleluasa dalam masyarakat.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Remaja pada masa kini sedang berhadapan dengan zaman yang sangat mencabar. Kepesatan ekonomi dan kemajuan globalisasi secara tidak langsung memberi kesan kepada sikap dan sahsiah mereka. Anak-anak remaja mudah terdedah kepada pelbagai anasir yang mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku seharian. Mereka amat memerlukan bimbingan dan panduan bagi membentuk jati diri yang kukuh untuk menangkis segala pengaruh negatif yang akan merosakkan masa hadapan. Pendidikan awal yang paling memberi kesan dalam jiwa anak-anak tidak lain adalah daripada ibu bapa mereka yang bermula di rumah.

Menurut Badruzaman (2006) persekitaran keluarga memainkan peranan penting dalam proses pensosialisasian remaja iaitu melalui sikap, nilai dan sistem kepercayaan yang diterapkan ke dalam minda mereka sejak zaman kanak-kanak. Namun begitu, institusi kekeluargaan hari ini sedang berhadapan dengan kemelut meruncing dan amat mencabar. Berpunca daripada kemerosotan kualiti dalaman individu yang membentuk keluarga, institusi kekeluargaan mula menunjukkan ciri-ciri keruntuhan nilai dan gejala kehakisan moral yang semakin parah (Harlina, 2014).

Bukan sedikit laporan berkaitan salah laku dan keruntuhan moral anak-anak remaja sehingga membawa kepada pelbagai gejala penyakit sosial yang kritikal dipaparkan di dalam media-media massa dan elektronik. Antaranya kegiatan buli, merempit, ponteng sekolah, pengambilan dadah dan sebagainya. Akhbar Utusan bertarikh 12 Julai 2017 melaporkan, sepanjang tahun 2016, seramai 111,895 murid sekolah iaitu mewakili 16,849 murid sekolah rendah dan 95,046 murid sekolah menengah terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah.

Penglibatan remaja dengan amalan seks bebas pula semakin berleluasa dan sukar dibendung. Kajian Kamarul Azmi (2017) menyatakan sejumlah 16,528 remaja didapati hamil pada tahun 2014 di mana 24.08% iaitu 3,980 daripada mereka adalah bermasalah seksual kerana hamil di luar nikah. Manakala data Polis Diraja Malaysia menunjukkan sebanyak 432 kes pembuangan bayi telah direkodkan sepanjang tahun 2011 hingga Jun 2016 (Utusan Malaysia, 8 Mei 2017). Analisis yang dilakukan oleh Mazlan Mohd Mokhtar terhadap 727 pelajar kolej dan IPT di Malaysia pula mendapati separuh daripada responden menganggap sentuhan fizikal antara remaja berlainan jantina

sebagai lumrah dan kebanyakan responden percaya tidak salah mengadakan hubungan seks jika ada cinta antara mereka (Harlina 2014).

Tambah memburukkan keadaan apabila laporan rasmi Jabatan Pendaftaran Negara sejak tahun 2008 sehingga 2010 mendedahkan terdapat kira-kira 167,073 bayi yang direkodkan kelahiran tanpa bapa. Ini bermakna secara purata 33,415 bayi tidak sah taraf dilahirkan dalam tempoh setahun, 2784 bayi sebulan dan 93 bayi dalam tempoh sehari. Statistik itu dijangka lebih tinggi jika mengambil kes membabitkan pengguguran haram atau pembuangan bayi yang dilaporkan tetapi tidak direkodkan (Azizah & Nor 'Adha 2014). Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa golongan anak-anak remaja kita sedang berhadapan dengan penyakit sosial dan gejala salah laku yang semakin parah dan membimbangkan.

Terdapat beberapa kajian para sarjana yang mengaitkan keterlibatan anak-anak dalam masalah sosial dengan corak didikan ibu bapa. Menurut Sham Sani (1994) tingkah laku devian, delinkuen dan anti sosial anak-anak mempunyai perkaitan dengan tingkah laku dan struktur keluarga itu sendiri. Manakala Shamsaadal dan Abdullah (2006) mendapati remaja yang kerap melakukan kesalahan disiplin merasakan kekurangan perhatian dan kasih sayang yang pernah diperoleh ketika zaman kanak-kanak. Mereka merasa terpinggir dan tidak dipedulikan lalu melakukan kesalahan demi kesalahan untuk menarik perhatian ibu bapa atau ahli keluarga.

Ibu bapa bertanggung jawab memberikan pendidikan awal kepada anak-anak sekali gus memastikan perkembangan psikososial dan sahsiah mereka (Zakiah & Ismail 2004). Justeru Badruzaman (2006) dan Siti Marhamah et. al (2016) amat menekankan gaya asuhan ibu bapa dalam usaha membentuk perwatakan remaja yang positif. Ibu bapa juga berperanan menanam akhlak mulia dan nilai murni dalam diri anak-anak melalui bimbingan dan teladan dari tingkah laku mereka (Zakaria Stapa, Ahmad Munawwar & Noranizah, 2012). Oleh yang demikian, ibu bapa hendaklah mempunyai panduan dan menyiapkan diri dengan ilmu keibubapaan supaya anak dibawah asuhan mereka mendapat bimbingan dan pendidikan berdasarkan contoh tauladan yang selayaknya (Mahyuddin, 2009). Namun persoalannya, apakah gaya asuhan dan corak didikan terbaik yang dapat diterapkan kepada ibu bapa apabila berhadapan dengan masalah salah laku anak-anak mereka?

Al-Quran sebagai manhaj rabbani menjelaskan kepada kita tatacara dan garis panduan dalam menyelesaikan pelbagai masalah dan persoalan yang timbul samada dari sudut akidah, akhlak, muamalat dan sebagainya. Keperluan untuk merujuk kepada al-Quran seharusnya dipraktikkan dalam rangka mencari jalan penyelesaian terhadap pelbagai kepincangan yang berlaku dalam kehidupan manusia (Norlida 2000). Pendapat ini disokong oleh Mustafa (1970) yang menegaskan peranan al-Quran sebagai jalan penyelesaian sebenar kepada penyakit-penyakit individu dan mengubati permasalahan mereka.

Surah Yusuf merupakan surah yang ke 12, disusun sebelum Surah al-Ra'd dan selepas Surah Hud di dalam al-Quran. Mengandungi 111 ayat, keseluruhannya diturunkan di Makkah mengikut pendapat yang muktamad (Ibn Kathir 1994). Diturunkan pada masa-masa sulit sejarah dakwah Rasulullah SAW dan kehidupannya, iaitu pada 'aam al-Huzni (tahun duka cita kerana kematian Abu Talib dan isteri Baginda Khadijah). Baginda juga mengalami tekanan emosi dan kesedihan akibat pengasingan dan terputus hubungan di tengah-tengah masyarakat Quraisy (Sayyid Qutb, 2009).

Maka Allah menceritakan kisah Nabi Yusuf yang juga menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan di dalam hidupnya sebagai motivasi bagi menguatkan hati Rasulullah SAW dengan mengisytiharkan bahawa menjadi sunnatullah ketika para rasul sudah merasa putus asa menghadapi kaumnya, akan ada jalan keluar berkat dari kesabaran, redha, tawakkal serta tidak berputus asa berdakwah di jalan Allah (Sayyid Qutb, 2009).

Kisah yang terdapat di dalam Surah Yusuf berkaitan pendekatan Nabi Ya^cqub a.s ketika berhadapan dengan sikap anak-anak dalam pelbagai situasi serta teknik didikan yang ditonjolkan dapat dijadikan referensi dan panduan dalam pendidikan anak-anak masa kini. Penulis mendapati kejayaan Nabi Ya^cqub menghadapi pelbagai cabaran dan ujian dalam mendidik anak-anak pastinya memerlukan tahap kesabaran dan nilai kesantunan yang tinggi. Justeru, kertas kerja ini mengkaji kisah Nabi Ya^cqub a.s dalam ruang lingkup keluarganya dan menganalisis nilai-nilai santunan fitrah kebapaan Nabi Ya^cqub a.s yang terdapat di dalam Surah Yusuf ini agar dapat diterapkan kepada ibu bapa masa kini bagi mengatasi masalah salah laku dalam kalangan anak-anak mereka.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui kaedah analisis dokumen. Sumber data diperolehi melalui pembacaan terhadap sumber-sumber premier dan sekunder berkaitan dengan tajuk kajian. Antara dokumen yang menjadi rujukan ialah kitab tafsir fi Zilal al-Quran oleh Sayyid Qutb, Tafsir al-Azhar oleh Hamka, Tafsir al-Maraghi, Tafsir Mafatih al-Ghaib oleh Fakr al-Din al-Razi, Safwah al-Tafasir oleh al-Sabuniy dan beberapa lagi kitab tafsir yang berautentik di samping artikel dan jurnal, tesis-tesis sarjana dan PHD buku-buku berkaitan salah laku remaja sebagai pemboleh ubah kajian. Bagi mencapai objektif kajian pengkaji menganalisis ayat-ayat al-Quran dalam Surah Yusuf berkaitan nilai santunan Nabi Ya^cqub dalam mendidik anak-anak Baginda dan tema-tema berkaitan salah laku remaja. Semua pemboleh ubah ini akan dianalisis bagi menjawab persoalan kajian berkaitan nilai-nilai santunan kebapaan Nabi Ya^cqub a.s dalam pendidikan anak-anak. Data yang dikumpul akan dianalisis secara diskriptif bagi menyesuaikan pendekatan tersebut dalam menangani masalah salah laku remaja.

4.0 KEDUDUKAN KISAH DALAM AL-QURAN

Kisah al-Quran tidak sama dengan mana-mana kisah yang terdapat di dalam buku atau kitab karangan manusia. Kisah al-Quran mempunyai status dan nilai yang jauh lebih tinggi dan mulia serta menyamai kepentingan isi al-Quran yang lain berupa hukum hakam, khabar ghaib, perintah dan larangan serta paparan kekuasaan Allah.

Antara tujuan penurunan kisah-kisah al-Quran ini ialah supaya dapat dijadikan ibrah dan pengajaran kepada orang-orang yang beriman, yang mahu berfikir tentang hikmah di sebalik setiap kejadian yang diceritakan di dalam al-Quran. Sebagaimana yang dinyatakan dalam maksud firman Allah (al-Quran, Surah Yusuf 12:111):

لَقَدْ كَانَ فِي قَصَصِهِمْ عِبْرَةٌ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ ۗ مَا كَانَ حَدِيثًا يُفْتَرَىٰ وَلَٰكِن تَصْدِيقَ الَّذِي بَيْنَ يَدَيْهِ وَتَفْصِيلَ كُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ
(۱۱۱)

Maksudnya: Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membenarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman.

Menurut Hamka (1990) yang dimaksudkan dengan petunjuk di dalam ayat di atas ialah petunjuk dalam menempuh jalan yang diredhai oleh Allah. Manakala ianya menjadi rahmat kerana meneladani contoh-contoh yang mulia dari orang-orang yang hebat akan membawa kepada kemuliaan juga. Dikatakan sebagai rahmat juga kerana kisah-kisah ini merupakan panduan yang diperlukan oleh hamba-hambanya untuk mengetahui perkara-perkara yang halal dan haram, mempelajari segala jenis peraturan dan hukum-hakam dalam menjalani kehidupan sebagai seorang muslim.

Al-Khalidi (2004) menjelaskan, antara matlamat kisah-kisah al-Quran ialah untuk mengajak manusia berfikir di samping menjadi teladan dan pengajaran serta didikan terhadap orang-orang yang berakal. Senada dengan pendapat tersebut Sayyid Qutb (1980) menegaskan, kisah al-Quran merupakan satu wahana al-Quran untuk menyampaikan mesej dakwah. Hal ini berdasarkan pengungkapan al-Quran terhadap kisah para nabi dengan menggunakan kata-kata yang indah, susunan yang teratur dan berisi padat sehingga makna yang terkandung di dalam kisah itu mampu menembus lubuk hati dan melekat ke dalam jiwa.

Pendidikan melalui kisah ini menurut Nabiroh (2006), amat bersesuaian dengan jiwa manusia yang lazimnya lebih tertarik dengan penyampaian dakwah melalui metode kisah dan penceritaan. Melalui medium ini, pelbagai mesej dan panduan boleh disampaikan dengan cara yang halus, mudah difahami serta sesuai dengan fitrah manusia berbanding dengan fakta yang disampaikan secara langsung dan serius.

4.1 Signifikan Kisah Nabi Ya^qub Sebagai Panduan

Menurut Sayyid Qutb (2010) Nabi Yacqub a.s merupakan seorang bapa yang pengasih dan prihatin di samping seorang nabi yang sentiasa yakin dan berhubung rapat dengan Allah. Hatinya penuh keyakinan tentang hakikat ketuhanan, sentiasa berserah kepada Allah sehingga ketika kesusahan semakin hebat menekan jiwanya, perasaan kehambaan dan keyakinannya terhadap Allah bertambah kukuh dan mendalam.

Dalam menganalisa kisah Nabi Yacqub yang terkandung di dalam Surah Yusuf ini, tumpuan diberi terhadap etika komunikasi Baginda dengan Nabi Yusuf a.s, bagaimana Baginda berhadapan dengan sikap anak-anaknya yang melakukan pelbagai provokasi dan kesalahan di samping kebijaksanaan Baginda sebagai seorang ayah menangani pelbagai situasi yang berlaku di dalam keluarga. Berbekalkan kesabaran yang tinggi, fitrah kesantunan dan kasih sayang kebapaan yang tidak berbelah bagi serta keyakinan dan tawakkal terhadap Allah s.w.t, Baginda berjaya menangani krisis dan cabaran dalam mendidik anak-anak dengan baik. Di akhir segala kemelut yang berlaku, Baginda akhirnya berjaya menyatukan kesemua anak-anaknya dalam suasana kasih sayang yang harmoni serta penuh keinsafan dan kesyukuran.

4.2 Santunan Fitrah Kebapaan Nabi Ya^qub A.S

Di dalam Surah Yusuf terdapat pelbagai bentuk nilai pendidikan serta garis panduan yang dapat dijadikan teladan dan ikutan terutama bagi mereka yang menghadapi bermacam jenis cabaran dan ujian kehidupan. Fokus terhadap pendidikan anak-anak, penulis mendapati terdapat beberapa nilai santunan fitrah kebapaan yang amat indah telah dipaparkan oleh Nabi Ya^qub a.s ketika berhadapan dengan anak-anak Baginda. Nilai ini amat penting untuk diaplikasi oleh para ibu bapa dalam menghadapi pelbagai karenah dan tingkah laku anak-anak mereka. Antara nilai santunan tersebut adalah:

4.2.1 Komunikasi Yang Baik

Komunikasi yang positif dan berkesan telah dikenal pasti sebagai asas kepada sesebuah keluarga untuk berfungsi dengan baik, khususnya apabila anak-anak telah mula meningkat remaja di mana pada waktu tersebut mereka mula berupaya untuk membentuk identiti dan membuat keputusan (Che Hasniza & Fatimah 2011). Contoh komunikasi yang baik di antara Nabi Ya^qub bersama anaknya dapat dilihat berdasarkan ayat berikut (al-Quran, Surah Yusuf 12:4-5):

إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي سَاجِدِينَ (٤) قَالَ يَا بَنِيَّ لَا تَقْصُصْ
رُؤْيَاكَ عَلَيَّ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوٌّ مُبِينٌ (٥)

Maksudnya: Ingatlah, ketika Yusuf berkata kepada ayahnya: "Wahai ayahku, sesungguhnya aku bermimpi melihat sebelas bintang, matahari dan bulan; kulihat semuanya sujud kepadaku." Ayahnya berkata: "Hai anakku, janganlah kamu ceritakan mimpimu itu kepada saudara-saudaramu, Maka mereka membuat tipu daya (untuk membinasakan) mu. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia."

Menurut al-Shacrawi (2013) perkataan "ya bunayya" yang digunakan oleh Nabi Ya'qub a.s sebagai panggilan kepada anaknya merupakan satu bentuk luahan kasih sayang yang sangat besar. Oleh itu beliau menyarankan apabila seseorang ingin berbicara dengan anaknya, maka gunalah perkataan tersebut sebagai tanda penzahiran kasih sayang. Justeru, panggilan "Ya abati" yang digunakan oleh Nabi Yusuf a.s terhadap ayahnya, dan dibalas dengan perkataan "ya bunayya" oleh Nabi Ya'qub a.s jelas membuktikan kekuatan kasih sayang yang terjalin antara mereka. Itulah satu bentuk komunikasi yang perlu dicontohi bagi mengeratkan hubungan antara ayah dan anak selanjutnya diluaskan penggunaan panggilan yang baik sebagai medium komunikasi yang berkesan kepada sesama saudara.

Manakala Amr Khalid (2006) menjelaskan, panggilan "ya abati" oleh Nabi Yusuf a.s terhadap ayahnya menunjukkan hikmah dimana apabila terjalinnya hubungan yang erat antara ibu bapa dan anak, secara semula jadi anak akan mudah berkongsi segala masalah dengan ibu bapanya untuk mendapatkan bimbingan dan nasihat. Namun perkara tersebut adalah sesuatu yang amat sukar dipraktikkan oleh anak-anak masa kini. Mereka lebih senang meluahkan masalah kepada rakan-rakan berbanding ibu bapa sendiri, kerana sering mendapat reaksi negatif atau sikap acuh tidak acuh ibu bapa yang sibuk dengan pekerjaan mereka.

Selari dengan pandangan tersebut Zaridah (2011) menegaskan, komunikasi kekeluargaan yang berkesan boleh menghalang remaja daripada terjerumus ke dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat seperti pengambilan dadah, ketagihan alkohol dan lain-lain salah laku lagi. Ini menunjukkan bahawa komunikasi yang baik di dalam sesebuah keluarga berperanan penting dalam membentuk keluarga yang harmoni.

Oleh itu amatlah penting bagi ibu bapa untuk mewujudkan hubungan yang erat bersama anak-anak di samping membina komunikasi yang mesra agar anak-anak dapat menjadikan mereka sebagai teman baik dan tempat meluahkan masalah. Ibu bapa juga perlu sentiasa bersikap terbuka, bersedia mendengar segala keluhan anak-anak di samping membimbing mereka untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan berkesan.

4.2.2 Santunan Hikmah Seorang Bapa Melalui Nasihat yang Berguna.

Antara teknik pendidikan anak-anak ialah melalui pesanan, nasihat dan tunjuk ajar. Anak-anak perlu dijelaskan apakah perkara yang bermanfaat untuk dilakukan dan sebaliknya, apakah perkara yang dilarang dengan menyatakan sebab-sebabnya, apakah perbuatan yang perlu dihindarkan dengan penjelasan tentang bahaya-bahayanya. Hal ini amat penting untuk membentuk sikap dan minda anak yang sentiasa bersedia memilih tindakan yang betul dan menghindari perbuatan yang tercela.

Dalam ayat ke 5 Surah Yusuf, Nabi Ya'qub a.s melarang anaknya Nabi Yusuf a.s menceritakan mimpi yang dialami kepada saudara-saudaranya. Firman Allah (al-Quran, Surah Yusuf 12:5):

قَالَ يَا بَنِيَّ لَا تَقْصُصْ رُؤْيَاكَ عَلَيَّ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوٌّ مُبِينٌ (٥)

Maksudnya: Ayahnya berkata: "Hai anakku, janganlah kamu ceritakan mimpimu itu kepada saudara-saudaramu, Maka mereka membuat tipu daya (untuk membinasakan) mu. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia."

Menurut Sayyid Qutb (1980), perintah Nabi Ya'qub ini adalah kerana Baginda takut saudara-saudara Nabi Yusuf a.s dapat meramalkan rahsia masa depannya sehingga membolehkan syaitan memasuki hati mereka dan menimbulkan hasad dengki, lantas menghasut mereka mengatur pakatan jahat untuk menyusahkan Baginda. Hal ini kerana, perbuatan hasad dengki itu adalah berasal dari perasaan iri hati yang datangnya dari syaitan (al-Razi 1997).

Manakala Amr Khalid (2006) menjelaskan, larangan tersebut selain tidak mahu sesuatu yang buruk berlaku kepada Nabi Yusuf a.s, ianya juga bertujuan untuk menjaga perasaan anak-anaknya yang lain. Baginda tidak mahu timbul hasad dengki dalam diri mereka sehingga terjerumus ke dalam kejahatan dengan bertindak menghapuskan Nabi Yusuf a.s. Kebimbangan tersebut adalah kerana kesemua mereka adalah anak-anaknya yang harus dilindungi.

Hikmah disebalik larangan tersebut menjelaskan tentang keprihatinan dan perhatian Nabi Ya'qub a.s yang menjadi bukti kasih sayang sama rata terhadap kesemua anak-anak Baginda.

4.2.3 Kesabaran Yang Sempurna

Sabar merupakan salah satu akhlak qurani yang paling utama dan paling banyak sebutannya di dalam al-Quran. Sabar itu bukanlah sekadar menerima kenyataan yang berlaku, tetapi sering mengharap dan menanti keputusan Allah dengan penuh keyakinan bahawa sesudah kesusahan pasti akan datang kemudahan (al-Qardhawi, 1999).

Kesabaran yang tinggi ditonjolkan oleh Nabi Ya'qub a.s sebaik menyambut kepulangan anak-anaknya dengan membawa khabar duka bahawa Nabi Yusuf telah dimakan oleh serigala. Walaupun berita tersebut merupakan suatu kejutan dan tekanan yang amat hebat, namun Baginda menghadapi suasana genting berhadapan dengan tipu daya anak-anaknya sendiri dengan sabar sambil bertawajuh dan memohon pertolongan dari Allah SWT melalui firman-Nya (al-Quran, Surah Yusuf 12:18):

وَجَاءُوا عَلَىٰ قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبِرْ حَمِيلٌ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ (١٨)

Maksudnya: Mereka datang membawa baju kemejanya (yang berlumuran) dengan darah palsu. Ya'qub berkata: "Sebenarnya dirimu sendirilah yang memandang baik perbuatan (yang buruk) itu; Maka kesabaran yang baik itulah (kesabaranku). Dan Allah sajalah yang dimohon pertolongan-Nya terhadap apa yang kamu ceritakan."

Begitu juga ketika Nabi Ya'qub diuji dengan penahanan anaknya Benyamin atas tuduhan mencuri, Baginda sekali lagi dihimpit kedukaan yang amat dahsyat kerana ia merupakan ujian hebat selepas kehilangan Nabi Yusuf a.s. Namun Baginda tetap meneruskan kesabaran sambil hatinya tidak pernah berputus asa mengharapkan pertolongan dari Allah agar anaknya kembali semula. Hal ini dinyatakan melalui firman Allah (al-Quran, Surah Yusuf 12:83):

قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنفُسُكُمْ أَمْرًا فَصَبِرْ حَمِيلٌ عَسَى اللَّهُ أَن يَأْتِيَنِي بِهِمْ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ (٨٣)

Maksudnya: Ya'qub berkata: "Hanya dirimu sendirilah yang memandang baik perbuatan (yang buruk) itu. Maka kesabaran yang baik itulah (kesabaranku). Mudah-mudahan Allah mendatangkan mereka semuanya kepadaku; Sesungguhnya Dia-lah yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

Ayat tersebut jelas menunjukkan kesan kesabaran yang ditonjolkan oleh Nabi Ya'qub sehingga Baginda tidak sesekali memarahi apa lagi mengutuk anak-anaknya yang telah melakukan dua kesalahan yang sama, ketika masih kecil dan setelah dewasa. Baginda tetap mengasihi mereka dan menyimpan penderitaan yang dihadapi seorang diri. (Hamka 1965)

Menurut Kandel (1992), kanak-kanak yang sering dihukum dan selalu menyaksikan tingkah laku agresif dalam keluarganya mempunyai risiko yang tinggi bersikap agresif dan menghadapi kesukaran untuk melakukan penyesuaian di dalam masyarakat. Seharusnya anak-anak terlebih dahulu diberikan penegasan, tunjuk ajar dan bimbingan sebelum dikenakan sebarang hukuman kerana melanggar peraturan (Abd. Munir, Saharizah & Misnan, tt). Justeru, ibu bapa perlu memiliki kesabaran yang tinggi ketika berhadapan dengan anak-anak yang melakukan kesalahan, tidak mudah memarahi dan menjatuhkan hukuman sebaliknya menasihati dengan baik, menyelesaikan masalah dengan harmoni dalam masa yang sama menyelitkan nilai akhlak yang murni agar dapat diteladani oleh anak-anak.

4.2.4 Tawakkal Kepada Allah

Surah Yusuf mengetengahkan metodologi yang betul cara untuk manusia berfikir dan bertindak terutama ketika berhadapan dengan pelbagai ujian dan cabaran di dalam kehidupan. Hal ini dibuktikan berdasarkan reaksi Nabi Ya'qub a.s ketika ditegur oleh anak-anaknya tentang keadaan dirinya yang sentiasa berdukacita setelah kehilangan Nabi Yusuf a.s. Firman Allah (al-Quran, Surah Yusuf 12:86):

قَالَ إِنَّمَا أَشْكُو بَثِّي وَحُزْنِي إِلَى اللَّهِ وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ (٨٦)

Maksudnya: Ya'qub menjawab: "Sesungguhnya hanyalah kepada Allah aku mengadukan kesusahan dan kesedihanku, dan aku mengetahui dari Allah apa yang kamu tiada mengetahuinya."

Menurut al-Shawkani (2004), perkataan "al-baththu" di dalam ayat merujuk kepada kedukaan yang amat berat. Maka perkataan Nabi Ya'qub a.s seolah-olah mengatakan "hanya kepada Allah aku mengadukan kesedihanku yang besar dan kedukaanku yang kecil, bukan kepada selain dari-Nya". Al-Razi (1997) menjelaskan tindakan Baginda yang demikian menunjukkan bahawa semakin berat musibah dan ujian yang dihadapi, semakin kuat kesabaran dan usaha Nabi Ya'qub dalam menahan kesusahan malah Baginda tidak pernah mengeluh dan hanya mengadukan halnya kepada yang layak melepaskan kesedihan iaitu Allah.

Pada ayat ini juga terdapat penyerahan diri yang amat tinggi oleh Nabi Ya'qub terhadap Allah SWT yang tidak diketahui oleh anak-anaknya. Hal ini kerana, Baginda amat menyakini bahawa akan datang pertolongan dari Allah, dimana dia akan dipertemukan semula dengan anaknya Yusuf a.s (al-Qarni, 2007).

Sebagai ejen sosialisasi utama, ibu bapa perlu menjadi role model yang baik kepada anak-anak. Penting bagi ibu bapa untuk menghias diri dengan akhlak yang baik dan pekerti mulia dalam setiap keadaan kerana contoh tauladan yang baik itu lebih besar impaknya daripada bebelan dan hukuman. Jelaslah bahawa tindakan Nabi Ya'qub a.s yang tidak marah dan tidak mengadu kesedihannya kepada makhluk membuktikan sifat tawakkal dan kesabaran Baginda yang tinggi dalam menghadapi sikap negatif anak-anaknya.

4.2.5 Bersedia Memaafkan Kesalahan

Fitrah naluri seorang ayah yang penyayang jelas terserlah berdasarkan tindakan Nabi Ya'qub a.s yang bersikap terbuka bersedia memaafkan anak-anaknya walaupun mereka telah melakukan kesalahan yang amat berat. Malah Baginda turut memohonkan keampunan dari Allah atas segala dosa yang telah mereka lakukan. Baginda bertindak menunda waktu permohonan ampun tersebut sehingga tiba waktu mustajab (al-Sabuniy 2001) untuk memastikan taubat anak-anak mereka benar-benar diterima oleh Allah. Hal Ini dinyatakan dalam firman Allah (al-Quran, Surah Yusuf 12:98):

قَالَ سَوْفَ أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّي إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (٩٨)

Maksudnya: Ya'qub berkata: "Aku akan memohonkan ampun bagimu kepada Tuhanku. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".

Di sebalik tindakan Nabi Ya'qub a.s tersebut, tersingkap nilai tarbiyyah dan hikmah yang besar. Al-Zuhaily (1998) menyatakan, tindakan Baginda mendoakan anak-anaknya dan tidak tergesa-gesa memohonkan keampunan untuk mereka amat bersesuaian dengan peranan seorang bapa sebagai murabbi yang bertanggungjawab membimbing anak-anak ke jalan yang benar. Tujuan Baginda adalah untuk menyedarkan betapa besar dosa yang telah mereka lakukan. Bukan hanya terhadap dirinya, tetapi turut melibatkan saudara mereka Nabi Yusuf a.s dan Benyamin. Kesalahan yang pada hakikatnya amat berat hingga menyebabkan kemudharatan yang amat besar. Tidak cukup hanya dengan meminta ampun, dosa yang demikian memerlukan kepada taubat nasuha dan penyesalan yang mendalam.

Tindakan-tindakan ini jelas menunjukkan keikhlasan seorang ayah dalam mengusahakan yang terbaik buat anak-anaknya. Pada penutup ayat ini Nabi Ya'qub turut mengingatkan anak-anaknya tentang sifat Allah yang maha pengampun dan menerima taubat. Ia adalah satu bentuk tarbiyyah dan penegasan kepada tauhid yang dilakukan pada masa yang tepat.

5.0 PENUTUP

Tugas sebagai ibu bapa merupakan satu tanggungjawab yang amat berat, suatu amanah yang perlu digalas dengan sehabis baik dan tidak boleh dilakukan sekadar kemampuan sahaja atau bersikap sambil lewa. Berdasarkan penelitian khusus terhadap peranan Nabi Ya'qub a.s sebagai seorang bapa yang diceritakan di dalam Surah Yusuf, penulis mendapati nilai kesantunan yang diamalkan oleh Baginda amat berguna untuk diaplikasikan oleh ibu bapa terutama ketika berhadapan dengan masalah salah laku anak-anak mereka.

Nilai-nilai kesantunan seperti komunikasi yang baik dan kata-kata yang lembut mampu menenangkan jiwa, melunakkan hati sekaligus mendorong anak-anak menerima segala nasihat yang disampaikan dengan hati yang terbuka. Sebagai ibu bapa yang juga berperanan sebagai pendidik, anak-anak perlulah sentiasa diberikan bimbingan dan nasihat agar dapat dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan di masa hadapan. Hal ini dilihat berdasarkan nasihat Nabi Ya'qub a.s kepada Nabi Yusuf a.s supaya merahsiakan mimpinya untuk mengelakkan timbul hasad dengki saudara-saudara Baginda.

Anak-anak membesar dengan menjadikan ibu bapa sebagai figura dan contoh tauladan dalam setiap perlakuan dan tindakan. Secara fitrahnya, mereka akan melakukan kesilapan demi kesilapan sebagai salah satu proses pembelajaran. Kesabaran ibu bapa amat penting dalam menangani salah laku anak-anak. Kesalahan yang dilakukan perlulah ditegur secara baik dan berhemah, tanpa mencalar jiwa mereka dengan kemarahan dan kata-kata kesat kerana kekasaran ibu bapa hanya akan mematikan jiwa mereka. Nabi Ya'qub tidak memarahi anaknya yang melakukan kesalahan, bahkan menekankan kesabaran yang sempurna, di samping meletakkan pengharapan yang tinggi terhadap pertolongan Allah. Begitu juga ketersediaan Baginda memberi kemaafan dan memohonkan keampunan untuk anak-anaknya secara tidak langsung memberi nilai pendidikan dan teladan tentang pentingnya sabar, tawakkal dan redha dalam menghadapi ujian Allah.

Kertas kerja ini diharap dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak terutama terhadap ibu bapa dalam membentuk sahsiah anak-anak sekaligus menyemarakkan usaha dan mencipta formula bagi melahirkan remaja yang memiliki nilai-nilai luhur dan akhlak mulia dalam tindakan dan pergaulan, sekaligus mengurangkan risiko mereka terjebak dengan pelbagai salah laku dan permasalahan sosial.

Rujukan

Al-Quran al- Karim

Tafsir Pimpinan Al Rahman Kepada Pengertian al-Quran. (2013). Darul Kitab, Malaysia.

Abd Munir Ismail, Saharizah Mohamad, Misnan Jemali.(2016). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Perspektif* Jil.8 Bil.2 (1-10) ISSN 1985-496X.

Akhlak remaja semakin meruncing. (2017, May 8) Utusan. Available at: <<http://m.utusan.com.my/rencana/forum/akhlak-remaja-melayu-semakin-meruncing-1.478633>>

Al-Khalidi, Solah Abd. Fattah (2007). Al-Qasas al-Quran. Damsyik: Dar al-Qalam.

Al-Razi, Fakr al-Din (1997). Tafsir al Kabir. Beirut: Dar al- Ihya al-Turath al-cArabi.

Al Sabuniy, Muhammad Ali, (1979). Safwah al-Tafasir. Mesir :Dar al-Sabuni, Madinah Nasr.

Al-Shawkani, Muhammad b Ali (2011). Tafsir Fath al-Qadir. Terj: Amir Hamzah Fachruddin. Jakarta: Pustaka Azzam.

Al-Qarni, Aidh Abdulah,(2007). Nabi Yusuf dalam al-Quran. Terj: Murtadho Ridwan. Kuala Lumpur : al-Hidayah Publication.

Al-Qhardawi, Yusuf. (1999). Al-Quran Menyuruh Kita Sabar. Kuala Lumpur: Penerbitan Darul Iman.

Al-Zuhaily,Wahbah (1998). Tafsir al-Munir : fi al-cAqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj. Damsyik: Dar al-Fikr al-Mucathir.

Amr Khalid. (2006). Qiraah Jadidah wa Ru'yah fi Qasas al-Anbiya'. Beirut :Dar al- Macrifah.

Azizah bt Mat Rashid, Nor 'Adha bt Abd Hamid, (2014). Undang-undang Jenayah Syariah: Satu Sorotan Berhubung Kesalahan Akhlak. International Conference on Postgraduate Research 2014.

Azizi Yahaya (2008). Sejarah Sikap Pemeliharaan Kanak-Kanak: Stail Kekeluargaan, Pendidikan Kekeluargaan. Fakulti Pendidikan, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Azlina Muhamud (2014). Faktor Salah Laku dalam kalangan Remaja:Kajian di Raudhatus Sakinah. Jabatan Pengajian Am, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Badrulzaman b Baharom. (2006). Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah laku Devian Remaja di Daerah Pontian, Johor. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Che Hasniza Che Noh, Fatimah Yusoooff, (2011). Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari* 3 (2), 45-62

Hamka, (1965). Tafsir al-Azhar. Yayasan Norul Islam, Jakarta Indonesia.

Harlina Siraj, (2014). Santunan Fitrah. Grup Buku Karangkrak Sdn.Bhd. Shah Alam, Selangor.

Ibn Ishaq, Abdullah b Muhammad. (1994). Lubab al-Tafsir min Ibn-Kathir. Mucathathah Cairo :Daar al-Hilaal.

Ibn Kathir, Abi Fidac Ismail, (2004). Tafsir al-Quran al-Aazim. Beirut: Dar al-Kutb al-Islamiyyah.

Ishak Mad Shah. (2004). Konsep Kendiri dan Pencapaian Akademik Golongan Remaja: Melihat Sejauh Mana Gaya Kepimpinan Ibu Bapa Sebagai Moderator. *Jurnal Teknologi*, 40(E), 33-44.

Jasmi, Kamarul Azmi (2017). Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya in Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan, 35-60. ISBN 987-983-52-1273.

- Kandel, Elizabeth (1992). *Physical Punishment and The Development of Aggressive and Violent Behavior: a Review*. Family Research Laboratory, Durham: University of New Hampshire.
- Mahyuddin Shaari (2009). Memahami Ilmu Perkembangan Dan Pertumbuhan Kanak-Kanak Bagi Pendidikan Berkesan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 13(2), 155-172.
- Mustafa Abd. Wahid, 1970. *Sahsiyyat al- Muslim kama Yusawwiruhu al Quran*. Mesir: Dar al-Taclif.
- Nabiroh Kassim, 2006. *Kisah Nabi Musa Dan Firaun di Dalam al-Quran dan Aplikasinya di Dalam Pendidikan Islam*. Tesis Sarjana Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norlida Mohd Yusoff, 2000. *Manhaj al-Quran bagi Menghindari Berlakunya Penyakit Sosial*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sayyid Qutb, Ibrahim Hussein al-Syaribi 2009. *al-Taswir al-Fanni fi al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Sayyid Qutb, Ibrahim Hussein al-Syaribi 2009. *Fi Zilal al-Quran*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Sayyid Qutb, Ibrahim Hussein al-Syaribi 2010. *Tafsir fi Zilal al-Quran*. Terj: Yusoff Zaki Hj. Yacob. Batu Caves: Pustaka Darul Iman.
- Sham Sani Salleh, 1994. *Latar Belakang Keluarga, Perhubungan Ibu Bapa dengan Remaja dan Konsep Kendiri Remaja Delinkuen dan Bukan Delinkuen*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Pertanian Malaysia.
- Siti Marhamah Kamarul Ariffin, Farrah Wahida Mustafar, Faudziah Yusof, Atini Alias (2016) *Cara Gaya Keibubapaan dan Remaja Hamil Tanpa Nikah*. *Jurnal Sains Sosial*, 1(2016), 63-73
- Noor Mohamad Shakil Hameed. (2017). *Tangani masalah disiplin secara bersepadu*. Utusan Malaysia https://upm.edu.my/akhbar/tangani_masalah_disiplin_secara_bersepadu-27674. Access date: 28 Oktober 2019.
- Teh Fui Khim. (2001). *Pengaruh Kecerdasan Emosi (EQ) dan Amalan Keibubapaan Ibu Terhadap EQ Remaja*. Tesis Sarjana Sains, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Pertanian Malaysia.
- Yulia Hairina. (2016). *Prophetic Parenting Sebagai Model Pengasuhan dalam Pembentukan Karakter (Akhlak) Anak*. *Studia Insania*, April 2016, 79-94. ISSN 2088-6303.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawwar Ismail, Noranizah Yusuf. (2012). *Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri*. *Jurnal Hadhari Special Edition*, (2012), 155-172.
- Zakiah Jamaluddin & Ismail Kiprawi 2004. *Ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens*. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004) Langkawi :Hotel City Bayview.
- Zaridah Abdullah@Dollah et.al (2011). *Hubungan Antara Pola Komunikasi Keluarga dan Ketagihan Internet Dalam Kalangan Remaja*. Kertas Cadangan Projek Penyelidikan Dana Kecemerlangan, Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.